

UTUSAN MALAYSIA : KHAMIS, 18 JUN 2009

Dalam Negeri (Muka Surat 25)

Peluang 29,000 graduan jadi pembanci

PUTRAJAYA 17 Jun – Jabatan Perangkaan akan melakukan bancian menyeluruh pada tahun depan untuk mengemas kini pangkalan data dan statistik mengenai penduduk dan perumahan negara ini

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, kerajaan meluluskan RM212 juta dan akan mengambil 29,000 anggota sementara untuk melaksanakan projek tersebut.

“Banci ini meliputi semua isi rumah di seluruh negara, ia akan menyediakan statistik sebagai input kepada Rancangan Malaysia Kesepuluh dan model ekonomi baru negara.

“Data yang terkini akan membantu kita membuat keputusan dengan tepat,” katanya selepas merasmikan sambutan 60 tahun Jabatan Perangkaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini semalam.

Nor Mohamed berkata, satu bancian percubaan juga akan diadakan pada Julai ini sebagai persediaan kepada bancian besar-besaran yang akan diadakan.

“Bancian percubaan ini antaranya untuk menguji soalan bancian yang telah disediakan serta memastikan petugas terbabit betul-betul bersedia untuk melakukan bancian pada tahun depan,” katanya.

Beliau berkata, bancian tersebut turut menawarkan 29,000 peluang pekerjaan sementara kepada graduan yang menganggur serta mereka yang dibuang kerja ekoran kegawatan ekonomi global.

“Mereka akan bekerja sehingga setahun dengan menerima gaji kira-kira RM1,500 sebulan.

“Mereka yang berminat untuk memohon boleh menghubungi Jabatan Perangkaan di negeri masing-masing,” katanya.